

Perlis buat pemilihan bentuk skuad mantap musim 2019

PERSATUAN Bola Sepak Perlis (PFA) akan mengadakan sesi pemilihan peringkat akhir bagi membentuk skuad utama negeri dalam menghadapi saingan Liga FAM, Piala FA, Piala Cabaran atau Piala Malaysia musim 2019 mulai hari ini hingga Jumaat.

Presiden PFA, Datuk Ahmad Amizal Shaifit Ahmad Rafie berkata, pemilihan itu akan dikendalikan oleh jurulatih, Manzoor Azwira Abd. Wahid di Padang A Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor.

Bagi sesi hari ini hingga esok, pemilihan dijalankan dari pukul 8

hingga 11 pagi, manakala Rabu ini hingga Jumaat ini bermula pukul 3.30 petang hingga 6 petang.

PFA juga katanya, mempelawa pemain-pemain berusia bawah 21

tahun ke sesi pemilihan

skwad Piala

Presiden Per-

lis yang di-

kendalikan

jurulatih

Manja Man

pada Rabu

dan Khamis

ini dari pukul

8 pagi hingga 11

pagi juga di UPM.

Mereka yang ber-

minat untuk menyarung

jersi Singa Utara dialu-

alukan menghadiri ke-

dua-dua sesi ujian pe-

milihan itu dan boleh

menghubungi Azmi Ta-

lildin 018-3596552 untuk

mendapatkan keterangan

lanjut.



AHMAD AMIZAL



MANZOOR AZWIRA